



KONGSI MAKLUMAT...Ghafar (kiri) memberikan penerangan kepada warga UTHM yang melawat Harian Metro, semalam.

Kunjungan UTHM

KUALA LUMPUR: Dalam memahami konteks organisasi media di Malaysia dan keseluruhan operasinya serta mencari peluang menyumbangkan artikel kepada akhbar tempatan, 20 kakitangan akademik Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) melawat Balai Berita The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), semalam.

Kedatangan mereka di-

sambut Timbalan Pengarang Kumpulan Harian Metro, Ghafar Ismail, Ketua Pengarang Berita Harian Metro, Tuan Asri Tuan Hussein; Pengarang Berita Metro Ahad, Abdul Manan Samad; Ketua Pengarang Berita, Berita Harian, Ahmad Zaini Kamaruzaman; Pengarang Pendidikan, Fadzlana Jafar, dan Pengarang Unit Rencana, Azhar Abu Samah.